BIL 2/2026 (OKTOBER)

PERCUMA | PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

Apabila Hidup Berubah, Adakah Kewangan Kita Bersedia?

Pindaan Akta Sewa Beli 2026: 5 Perubahan Penting yang Pengguna Perlu Tahu

Jangan Terus Klik!

Percubaan Percuma atau Perangkap Langganan?

GAYA HIDUP LESTARI MEMBANTU MENJIMATKAN KOS SARA HIDUP



ISSN 2180-3684

IMBAS KOD QR UNTUK MUAT TURUN MAJALAH RINGGIT

AKPK

FOMCA

FEN FINANCIAL EDUCATION NETWORK

Isi Kandungan

04. Gaya Hidup Lestari Membantu Menjimatkan Kos Sara Hidup



09. Apabila Hidup Berubah, Adakah Kewangan Kita Bersedia?



19. Jangan Terus Klik!



24. Percubaan Percuma atau Perangkap Langganan?



13. Pindaan Akta Sewa Beli 2026: 5 Perubahan Penting yang Pengguna Perlu Tahu



Sidang Redaksi

Penasihat
Prof. Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Encik Azman Hasim
Ketua Pegawai Eksekutif AKPK

Ketua Sidang Pengarang
Puan Nur Asyikin Aminuddin

Sidang Pengarang
Dr. Saravanan Thambirajah
Prof. Dr. Ramalinggam Rajamanickam
Cik Nuraiesya Khanoon binti Thariq Khan
Encik Irwan Iskandar Azharuddin (AKPK)

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama antara Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan FOMCA.

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7876 4648
Faks: +603 7877 1076
E-mel: fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Tingkat 5 & 6, Menara Aras Raya
Jalan Raja Laut, City Centre
50350 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tel: +603 2616 7766
Sesawang: www.akpk.org.my

***Financial Education Network* (FEN)**
Sesawang: www.fenetwork.my

Diurus Terbit Oleh
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 24, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7875 2392
E-mel: info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Rakan Kongsi Penerbitan Digital
Wordlabs Global Sdn Bhd
No. 617, Block D, Kelana Square
17, Jalan SS7/26, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor, Malaysia
Tel: +603 7886 4933
Fax: +603 7803 0500
E-mel: info@wordlabs.com.my
Sesawang: www.wordlabs.com.my





Gaya Hidup Lestari Membantu Menjimatkan Kos Sara Hidup

DALAM keadaan kos sara hidup yang semakin menjadi perhatian pengguna, amalan berjimat cermat bukan sahaja bermaksud mencari barangan yang lebih murah. Antara pendekatan yang boleh diamalkan ialah penggunaan lestari, iaitu menggunakan sumber seperti elektrik, air, makanan dan barangan dengan lebih bijak serta mengelakkan pembaziran.

Penggunaan lestari membawa manfaat kepada alam sekitar, tetapi pada masa yang sama, ia turut memberikan kesan langsung kepada kewangan isi rumah. Apabila kita mengurangkan penggunaan elektrik dan air, mengelakkan pembaziran makanan, menggunakan semula barangan serta membuat pembelian secara lebih terancang, kita sebenarnya sedang mengurangkan perbelanjaan harian.

Jimat Tenaga, Jimat Wang

Antara amalan paling mudah ialah pengawalan penggunaan elektrik di rumah. Lampu, televisyen, komputer, penyaman udara dan peralatan elektrik yang dibiarkan terpasang walaupun tidak digunakan akan menyebabkan pembaziran tenaga.

Oleh itu, pengguna perlu membiasakan diri untuk menutup lampu dan peralatan elektrik apabila tidak diperlukan. Penggunaan lampu dan peralatan yang lebih cekap tenaga juga boleh membantu untuk mengurangkan penggunaan elektrik.

Penggunaan penyaman udara juga perlu dikawal. Jika cuaca tidak terlalu panas, pengguna boleh menggunakan kipas atau memanfaatkan pengudaraan semula jadi. Apabila menggunakan penyaman udara, pastikan pintu dan tingkap ditutup supaya udara sejuk tidak keluar dan penyaman udara dapat beroperasi dengan lebih cekap.

Perubahan tingkah laku memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk menjimatkan tenaga. Kajian oleh penyelidik Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) mendapati bahawa pengetahuan, kesedaran, komitmen dan sikap mempunyai hubungan yang signifikan dengan tingkah laku penggunaan elektrik isi rumah. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa faktor penjimatan kos merupakan antara faktor penting yang mempengaruhi pengetahuan isi rumah tentang penggunaan tenaga.

Dapatan ini menunjukkan bahawa usaha untuk menjimatkan tenaga bukan sekadar bergantung pada penggunaan peralatan cekap tenaga. Cara kita berfikir, tahap kesedaran dan tabiat harian juga mempengaruhi cara elektrik digunakan di rumah.



Oleh sebab itu, amalan mudah seperti menutup lampu apabila keluar dari bilik, mematikan peralatan yang tidak digunakan, menggunakan penyaman udara secara berhemah dan memantau penggunaan elektrik perlu dijadikan kebiasaan seluruh keluarga.

Amalan penjimatan tenaga yang kecil, apabila dilakukan secara konsisten oleh seluruh ahli keluarga, dapat membentuk budaya penggunaan tenaga secara berhemat dan membantu untuk mengurangkan bil elektrik dalam jangka masa panjang.



Gunakan Air Secara Bijak

Air merupakan satu lagi sumber yang sering dibazirkan tanpa disedari. Amalan seperti membuka paip ketika memberus gigi, menggunakan air secara berlebihan ketika mencuci dan tidak segera membaiki paip yang bocor boleh menyebabkan pembaziran air.

Amalan mudah seperti menutup paip apabila tidak digunakan dan menggunakan air mengikut keperluan boleh mengurangkan pembaziran. Air juga boleh digunakan semula bagi mengurangkan pembaziran.

Kajian di Malaysia menunjukkan bahawa tingkah laku dan tabiat harian memainkan peranan yang penting dalam menentukan penggunaan dan penjimatan air isi rumah.

Kajian oleh penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tentang penggunaan air domestik di Selangor mendapati bahawa faktor tingkah laku merupakan antara penentu yang signifikan dalam penjimatan dan penggunaan air isi rumah. Dapatan ini menunjukkan bahawa perubahan dalam amalan harian pengguna boleh memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mengurangkan pembaziran air.

Kajian Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pula mendapati bahawa antara amalan penjimatan air yang kerap dilakukan oleh responden adalah dengan memastikan paip ditutup secara rapat dan hanya menggunakan mesin basuh apabila muatannya penuh. Kajian tersebut turut mengenal pasti bahawa keinginan untuk mengurangkan bil air dan rasa tanggungjawab sebagai antara dorongan utama yang menggalakkan responden berjimat dalam penggunaan air.

Sebagai contoh, air basuhan beras atau sayur yang tidak mengandungi sabun boleh digunakan untuk menyiram tanaman. Air hujan pula boleh ditadah untuk mencuci kawasan luar rumah atau menyiram pokok.

Amalan mudah seperti menutup paip ketika memberus gigi dan menggunakan baldi berbanding dengan membiarkan air mengalir ketika mencuci kenderaan juga dapat mengurangkan penggunaan air.

Selain memelihara sumber air, amalan ini membantu keluarga untuk mengawal bil utiliti. Prinsipnya mudah: semakin sedikit sumber yang dibazirkan, semakin sedikit wang yang perlu dibayar.

Elakkan Pembaziran Makanan

Penggunaan lestari juga berkait rapat dengan cara kita membeli dan menggunakan makanan. Apabila makanan dibeli secara berlebihan dan akhirnya dibuang, kita bukan sahaja membazirkan makanan, tetapi turut membazirkan wang yang digunakan untuk membelinya.

Sebelum membeli-belah, pengguna boleh menyediakan senarai barangan yang diperlukan, memeriksa bekalan makanan yang masih ada di rumah dan merancang hidangan dengan lebih teliti. Langkah ini dapat membantu untuk mengurangkan pembelian yang tidak diperlukan dan mengelakkan makanan daripada rosak sebelum sempat digunakan.

Kajian oleh penyelidik Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) mendapati bahawa perancangan makanan merupakan faktor paling kuat yang mempengaruhi niat isi rumah untuk mengurangkan pembaziran makanan. Kajian Universiti Sains Malaysia (USM) pula mendapati bahawa perancangan pembelian makanan, tingkah laku ketika membeli-belah serta perancangan dan penyediaan makanan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pembaziran makanan isi rumah.



Dapatan ini menunjukkan bahawa usaha untuk mengurangkan pembaziran makanan boleh bermula sebelum kita sampai di pasar raya. Menyemak makanan yang masih ada di rumah, merancang hidangan dan menyediakan senarai pembelian merupakan langkah mudah yang boleh membantu pengguna membeli mengikut keperluan.

Pengguna juga boleh memilih hasil makanan tempatan dan membeli buah-buahan atau sayur-sayuran yang tersedia dengan banyak pada musim tertentu. Semakin banyak bekalan sesuatu jenis makanan di pasaran, semakin banyak pilihan yang tersedia kepada pengguna, sekali gus meningkatkan peluang untuk mendapatkannya pada harga yang lebih berpatutan. Pada masa yang sama, pembelian hasil tempatan dapat menyokong petani dan pengeluar tempatan serta mengurangkan keperluan untuk membawa makanan dari lokasi yang jauh.

Kesedaran tentang pembaziran makanan amat penting kerana setiap makanan yang dibuang mempunyai nilai kewangan tertentu. Sebagai contoh, jika sebuah keluarga membazirkan makanan bernilai RM5 sehari, nilai pembaziran tersebut boleh mencecah kira-kira RM150 sebulan atau RM1,825 setahun. Wang tersebut sebenarnya boleh digunakan untuk keperluan keluarga yang lain.

Guna Semula Sebelum Membeli Barangan Baharu

Kebiasaan membeli barangan baharu setiap kali sesuatu barangan rosak atau tidak lagi menarik boleh meningkatkan perbelanjaan. Sebaliknya, amalan penggunaan lestari mendorong kita untuk mempertimbangkan terlebih dahulu sama ada barangan tersebut masih boleh digunakan, dibaiki atau dimanfaatkan untuk tujuan lain.

Bekas makanan, botol, pakaian, perabot dan pelbagai barangan rumah boleh digunakan semula sekiranya masih selamat dan sesuai. Barangan yang rosak pula boleh dipertimbangkan untuk dibaiki sebelum menggantikannya dengan yang baharu.

Amalan menggunakan semula dan membaiki barangan boleh memanjangkan jangka hayat sesuatu produk. Hal ini bermakna bahawa pengguna tidak perlu terlalu kerap mengeluarkan wang untuk membeli barangan baharu.

Pilih Pengangkutan dengan Bijak

Bagi perjalanan jarak dekat yang sesuai dan selamat, pengguna boleh memilih untuk berjalan kaki, berbasikal, berkongsi kenderaan atau menggunakan pengangkutan awam. Pilihan ini dapat mengurangkan kebergantungan pada kenderaan persendirian, sekali gus menjimatkan perbelanjaan untuk petrol, tol, parkir dan penyelenggaraan kenderaan.

Selain memberikan manfaat kewangan, amalan ini juga dapat mengurangkan penggunaan bahan api dan pelepasan karbon, sekali gus menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar.

Kitar Semula dan Kurangkan Barangan Sekali Guna

Pengguna juga digalakkan untuk mengasingkan bahan yang boleh dikitar semula, seperti kertas, plastik, kaca dan logam. Namun, amalan penggunaan lestari tidak seharusnya terhad kepada kitar semula. Keutamaan perlu diberikan kepada usaha untuk mengurangkan

penggunaan dan menggunakan semula barangan sebelum barangan tersebut dibuang.

Sebagai contoh, membawa beg sendiri ketika membeli-belah, menggunakan botol air guna semula dan mengurangkan pembelian barangan sekali guna dapat membantu untuk mengurangkan jumlah sisa yang dihasilkan.

Dalam jangka masa panjang, perubahan kecil dalam corak penggunaan ini bukan sahaja dapat mengurangkan penghasilan sisa, malah dapat menjimatkan perbelanjaan dengan mengurangkan keperluan untuk membeli barangan baharu.

Pengguna Lestari Juga Pengguna Bijak

Penggunaan lestari tidak bererti bahawa pengguna perlu mengorbankan keselesaan hidup. Sebaliknya, amalan ini membantu pengguna untuk membezakan antara keperluan dengan kehendak, mengelakkan pembaziran dan memperoleh manfaat yang sepadan dengan setiap ringgit yang dibelanjakan.

Sebelum membeli sesuatu barangan, pengguna wajar mempertimbangkan beberapa perkara: Adakah barangan tersebut benar-benar diperlukan? Adakah barangan itu tahan lama dan boleh dibaiki? Adakah terdapat barangan lain yang boleh digunakan untuk tujuan yang sama? Dalam kehidupan seharian, pengguna juga perlu menilai sama ada elektrik dan air digunakan secara cekap. Pertimbangan mudah seperti ini dapat membantu pengguna untuk membuat keputusan yang lebih bijak dan berhemat.

Kesimpulan

Penggunaan lestari bermula dengan amalan mudah dalam kehidupan seharian. Memadamkan lampu apabila tidak diperlukan, menjimatkan air, mengelakkan pembaziran makanan, menggunakan semula atau mengitar semula barangan, memilih kaedah pengangkutan yang sesuai serta membeli mengikut keperluan mungkin kelihatan sebagai langkah kecil. Namun, apabila diamalkan secara konsisten, langkah-langkah ini dapat memberikan kesan yang besar terhadap perbelanjaan isi rumah.

Lebih penting lagi, penggunaan lestari menunjukkan bahawa kepentingan pengguna dan kelestarian alam sekitar boleh bergerak seiring. Penggunaan sumber secara bijak bukan sahaja dapat mengurangkan pembaziran dan perbelanjaan, malah turut menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar. Oleh itu, setiap keluarga boleh menjadikan penggunaan lestari sebagai sebahagian daripada amalan kehidupan harian. Perubahan tidak perlu dilakukan secara besar-besaran. Mulakan dengan langkah yang mudah dan jadikannya suatu kebiasaan. Setiap sumber yang digunakan secara berhemat memberikan dua manfaat: mengurangkan perbelanjaan dan memelihara alam sekitar.



Sumber: Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Federation of Malaysian Consumers Associations [FOMCA])

Apabila Hidup Berubah, Adakah Kewangan Kita Bersedia?



MENGURUS kewangan bukan sekadar memastikan wang mencukupi sehingga hujung bulan. Ia juga tentang bagaimana kita menghadapi perkara di luar jangka, membuat keputusan dalam keadaan sukar dan memastikan kehidupan keluarga terus terpelihara apabila berdepan dengan cabaran.


Hakikatnya, kehidupan tidak selalu berjalan seperti yang dirancang. Kos sara hidup yang meningkat, pendapatan yang tidak menentu atau kehilangan pekerjaan boleh memberi kesan kepada sesiapa sahaja. Dalam keadaan ini, mempunyai kedudukan kewangan yang lebih kukuh dapat membantu kita menghadapi perubahan dengan lebih tenang.

Perkara ini turut menjadi mesej penting dalam ***National Financial Literacy Symposium 2026 (NFLS 2026)***, yang menghimpunkan pelbagai pihak bagi membincangkan usaha memperkukuh kesejahteraan kewangan rakyat Malaysia. Bertemakan **"No One Left Behind: Bridging Gaps, Securing Futures"**, simposium ini mengingatkan kita bahawa setiap orang berhak mendapat peluang dan sokongan untuk membina masa depan kewangan yang lebih baik.

Kejutan Kewangan Boleh Menimpa Sesiapa Sahaja

Ada kalanya, perancangan yang dibuat dengan teliti pun boleh berubah dalam sekelip mata. Kehilangan pekerjaan, kecemasan keluarga atau peningkatan perbelanjaan harian boleh menyebabkan kewangan yang sebelum ini stabil mula terasa sempit.

Pengalaman pandemik COVID-19 menjadi peringatan bahawa cabaran kewangan boleh berlaku tanpa mengira latar belakang atau tahap pendapatan. Apa yang membezakan keadaan setiap individu ialah sejauh mana mereka bersedia dan mempunyai ruang untuk menyesuaikan diri.



Tidak semua orang mampu menyediakan simpanan yang besar. Namun, memulakan tabiat menyimpan mengikut kemampuan tetap menjadi satu langkah yang bermakna. Sedikit demi sedikit, simpanan ini boleh membantu menampung keperluan mendesak tanpa perlu terlalu bergantung pada pinjaman.

Begitu juga dengan perbelanjaan harian. Kadangkala, kita hanya menyedari wang semakin berkurangan apabila komitmen bulanan mula terasa membebankan.

Dengan menyemak perbelanjaan dan memahami ke mana wang dibelanjakan, kita dapat mengenal pasti perkara yang boleh disesuaikan mengikut kemampuan semasa.

Matlamatnya bukan untuk menyekat semua kehendak, tetapi memastikan keperluan penting terus terjaga dan kewangan tidak terlalu tertekan apabila berlaku perkara yang tidak dijangka.

Membuat Pilihan Sebelum Masalah Semakin Menekan

Apabila berdepan dengan kesukaran kewangan, ramai yang mungkin berasa buntu atau tidak pasti daripada siapa mereka boleh mendapatkan bantuan. Ada yang berharap keadaan akan pulih dengan sendiri, manakala ada juga yang mengambil pinjaman baharu untuk menampung komitmen sedia ada. Walaupun tindakan tersebut mungkin memberikan kelegaan sementara, ia boleh menambah tekanan jika punca masalah tidak ditangani.

Dalam keadaan seperti ini, mengetahui pilihan yang tersedia boleh membawa perbezaan yang besar. Maklumat kewangan yang mudah difahami membantu kita menilai keadaan dengan lebih jelas, mengenal pasti pilihan yang sesuai dan mengelakkan keputusan yang dibuat kerana terdesak.

Ini juga termasuk keupayaan mengenal pasti tawaran kewangan yang meragukan, berhati-hati dengan janji pulangan lumayan serta mendapatkan maklumat daripada sumber yang sahih.

Yang penting, menghadapi masalah kewangan bukan sesuatu yang perlu dipendam sendirian. Jika bayaran hutang mula tertunggak atau komitmen bulanan semakin sukar ditanggung, mendapatkan nasihat kewangan lebih awal boleh membantu kita memahami pilihan yang ada sebelum keadaan menjadi lebih rumit.



Melalui perkhidmatan AKPK, individu boleh mendapatkan khidmat nasihat kewangan secara percuma untuk memahami kedudukan kewangan masing-masing dan mengenal pasti langkah yang bersesuaian.

Mendapatkan bantuan bukan tanda kegagalan, sebaliknya satu langkah untuk mengawal semula kewangan peribadi.

Persaraan Masih Jauh, tetapi Persediaannya Bermula Hari Ini

Bagi kebanyakan orang, persaraan mungkin terasa seperti sesuatu yang masih jauh. Ketika ini, keutamaan mungkin lebih tertumpu kepada membayar ansuran rumah, membesarkan anak-anak atau memenuhi keperluan keluarga.

Namun, apabila usia meningkat, sumber pendapatan dan corak perbelanjaan juga boleh berubah. Simpanan yang kelihatan mencukupi hari ini belum tentu dapat menampung keperluan hidup selepas bersara, khususnya apabila mengambil kira kos sara hidup dan penjagaan kesihatan.

Perbincangan dalam NFLS 2026 turut mengetengahkan persoalan tentang kecukupan simpanan persaraan rakyat Malaysia. Ia mengingatkan kita bahawa persediaan untuk hari tua bukan hanya tanggungjawab mereka yang hampir bersara, tetapi sesuatu yang wajar diberi perhatian sejak awal kehidupan bekerja.

Tidak semestinya seseorang perlu mempunyai pendapatan yang besar untuk mula merancang. Apa yang penting ialah memahami kemampuan sendiri, menyimpan secara konsisten dan menilai semula keperluan dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, simpanan jangka panjang perlu dilindungi sebaik mungkin. Menggunakannya untuk memenuhi keperluan semasa mungkin tidak dapat dielakkan dalam sesetengah keadaan, tetapi setiap keputusan wajar dipertimbangkan dengan teliti agar keperluan masa depan tidak terabai. Persaraan yang lebih terjamin bermula dengan langkah yang boleh diambil hari ini, walaupun kecil.

Langkah Kecil, Perubahan yang Bermakna

Membina ketahanan kewangan tidak bermakna kita perlu mempunyai semua jawapan atau merancang setiap perkara dengan sempurna. Sebaliknya, ia bermula dengan memahami keadaan sendiri, membuat keputusan yang lebih baik dan bersedia menyesuaikan diri apabila kehidupan berubah.

Bagi sesetengah orang, langkah pertama mungkin menyimpan sedikit wang setiap bulan. Bagi yang lain, ia mungkin bermula dengan menyemak semula komitmen, berbincang dengan keluarga tentang perbelanjaan atau mendapatkan nasihat apabila berdepan dengan kesukaran.

Setiap orang mempunyai keadaan dan cabaran yang berbeza. Oleh itu, usaha memperkukuh kesejahteraan kewangan perlu disokong oleh akses kepada maklumat yang mudah difahami, bantuan yang bersesuaian dan peluang untuk membuat keputusan berdasarkan keperluan masing-masing.

Selaras dengan semangat NFLS 2026, membina masyarakat yang lebih berdaya tahan dari segi kewangan memerlukan usaha bersama. Apabila lebih ramai mempunyai pengetahuan, sokongan dan keyakinan untuk mengurus kewangan, kita bukan sahaja membantu individu dan keluarga menghadapi ketidaktentuan, malah menyumbang kepada masyarakat yang lebih sejahtera.

Akhirnya, masa depan kewangan yang lebih terjamin bukan tentang siapa yang mempunyai paling banyak wang, tetapi bagaimana kita membuat persediaan, mengurus apa yang ada dan mendapatkan bantuan apabila diperlukan. Sesungguhnya, setiap orang berhak mempunyai peluang untuk hidup dengan lebih tenang, tanpa ada yang tercicir.

MEMBINA KETAHANAN KEWANGAN	MENINGKATKAN LITERASI KEWANGAN	MERANCANG PERSARAAN
Bina tabung kecemasan 3-6 bulan.	Ketahui bantuan kewangan yang tersedia.	Tetapkan sasaran umur persaraan.
Simpan dahulu, belanja kemudian.	Ketahui saluran mendapatkan bantuan.	Semak simpanan persaraan setiap tahun.
Rekod perbelanjaan harian.	Fahami kelayakan anda terhadap bantuan yang ditawarkan.	Tambah simpanan apabila pendapatan meningkat.
Kurangkan hutang tidak perlu.	Semak fakta sebelum membuat keputusan kewangan.	Elakkan pengeluaran pramatang.
Sediakan perlindungan takaful atau insurans.	Kenali tanda-tanda penipuan kewangan.	Ambil kira kos kesihatan masa depan.
Jangan tunggu masalah menjadi serius.	Rujuk sumber yang sahih.	Mula merancang hari ini.

Artikel ini mengambil inspirasi daripada tiga pembentangan di National Financial Literacy Symposium 2026: "Does Financial Literacy Shape Market Resilience?" oleh Lim Siok Jin, New Era University College, Malaysia; "The Future of Retirement in Malaysia: Evaluating EPF Savings Adequacy under Alternative Economic Scenarios" oleh Dr. Tee Chee Lip, Xiamen University Malaysia; dan "Financial Fragility in a Pandemic Context" oleh Dr. Loke Yiing Jia, Universiti Sains Malaysia.

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

PINDAAN AKTA SEWA BELI 2026: 5 PERUBAHAN PENTING YANG PENGGUNA PERLU TAHU

Fahami kos sebenar pembiayaan sebelum membuat komitmen kewangan

Bagi kebanyakan pengguna, pembiayaan sewa beli sering dikaitkan dengan pembelian kereta atau motosikal. Namun, Akta Sewa Beli tidak terhad kepada kenderaan sahaja. Akta ini turut meliputi barangan pengguna yang termasuk dalam skop Akta.

Pada kebiasaannya soalan pengguna hanya akan tertumpu kepada satu perkara: "Berapakah ansuran bulanan yang perlu saya bayar?"

Namun, ansuran bulanan sahaja tidak memberikan gambaran yang lengkap tentang kos pembiayaan. Dua tawaran mungkin mempunyai ansuran bulanan yang hampir sama, tetapi jumlah faedah dan keseluruhan kos yang ditanggung sepanjang tempoh pembiayaan berkemungkinan berbeza.

Akta Sewa Beli (Pindaan) 2026 membawa beberapa perubahan penting yang bertujuan untuk menjadikan pembiayaan sewa beli lebih telus dan mudah difahami oleh pengguna. Antara perubahan utama ialah penggunaan kadar faedah efektif atau *effective interest rate* (EIR) dan kaedah pengurangan baki (reducing balance method) bagi pengiraan faedah untuk pembiayaan sewa beli.



Jadi, apakah yang pengguna perlu tahu?

1. EIR Membantu Anda Melihat Kos Sebenar Pembiayaan

Antara perubahan paling penting ialah penggunaan kadar faedah efektif (EIR). EIR ialah kadar yang menunjukkan kos sebenar faedah yang dibayar sepanjang tempoh pembiayaan. Faedah dikira berdasarkan baki pinjaman semasa selepas setiap bayaran ansuran dibuat.

Hal ini penting kerana angka kadar faedah yang kelihatan rendah tidak semestinya bermaksud pembiayaan tersebut lebih murah.

CONTOH TAWARAN	KADAR PEMBIAYAAN SEWA BELI YANG DINYATAKAN	ANSURAN BULANAN*	JUMLAH FAEDAH
Bank A — kaedah lama	Kadar sama rata 3%	RM1,175.93	RM27,000
Bank B — EIR setara	5.5% EIR	RM1,175.93	RM27,000
Bank C — EIR lebih rendah	5% EIR	RM1,151.76	RM24,390

*Amaun akan berbeza kerana bergantung pada tempoh pinjaman.

Jadual di atas menunjukkan contoh pengiraan daripada Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memudahkan pengguna memahami perbezaan kos pembiayaan. Contohnya, bagi pembiayaan sewa beli kenderaan yang bernilai RM100,000 untuk tempoh sembilan tahun, kadar sama rata 3% setahun boleh menghasilkan ansuran kira-kira RM1,175.93 sebulan dengan jumlah faedah RM27,000. Dalam contoh yang sama, kadar tersebut bersamaan kira-kira EIR 5.5% setahun.

Sebaliknya, pembiayaan dengan EIR 5% setahun dalam contoh tersebut menghasilkan ansuran kira-kira RM1,151.76 dan jumlah faedah RM24,390.

Keadaan ini menunjukkan mengapa pengguna tidak seharusnya membuat keputusan semata-mata berdasarkan angka kadar.

2. Faedah Dikira Berdasarkan Baki Pinjaman

Kaedah pengurangan baki menggantikan kaedah lama Peraturan 78 (Rule of 78). Mengikut kaedah ini, faedah dikira berdasarkan baki prinsipal yang masih belum dibayar.

Setiap kali ansuran dibayar, sebahagian daripadanya digunakan untuk membayar faedah dan selebihnya akan mengurangkan baki prinsipal. Apabila baki prinsipal semakin berkurang, jumlah faedah yang dikenakan juga akan berkurang.

Pengguna masih boleh memilih pembiayaan kadar tetap (fixed rate) atau kadar boleh ubah (variable rate). Kadar tetap kekal sepanjang tempoh pembiayaan, manakala kadar boleh ubah boleh meningkat atau menurun mengikut perubahan kadar rujukan.

Tip Pengguna: Sebelum memilih pembiayaan, semak sama ada kadar yang ditawarkan adalah tetap atau boleh ubah, dan fahami kesannya terhadap ansuran anda.



3. Had Kadar Maksimum Turut Dikemas Kini

Penggunaan EIR tidak bermaksud penyedia sewa beli boleh mengenakan kadar sesuka hati. Had maksimum EIR telah ditetapkan seperti yang berikut:

JENIS PEMBIAYAAN	HAD MAKSIMUM
Kadar tetap – untuk tempoh pinjaman sehingga 5 tahun	17% setahun
Kadar tetap – untuk tempoh pinjaman lebih daripada 5 tahun	16% setahun
Kadar boleh ubah – semua tempoh pinjaman	17% setahun

Namun, kadar maksimum bukan bermaksud kadar yang perlu anda terima. Bandingkan tawaran daripada beberapa penyedia sewa beli dengan melihat EIR, ansuran bulanan, tempoh pembiayaan dan jumlah keseluruhan yang perlu dibayar.

Tip Pengguna: Jangan pilih berdasarkan ansuran bulanan paling rendah sahaja. Tempoh pembiayaan yang lebih panjang mungkin merendahkan ansuran bulanan, tetapi anda akan terikat dengan komitmen kewangan untuk tempoh yang lebih lama.



4. Perjanjian Sewa Beli Kini Lebih Mesra Digital

Akta Sewa Beli (Pindaan) 2026 membolehkan pengguna menerima dan menandatangani perjanjian sewa beli secara elektronik atau digital, serta menerima salinan perjanjian dalam bentuk digital atau bercetak.

Walaupun proses ini lebih mudah dan pantas, jangan terburu-buru menandatangani dokumen. Semak EIR, ansuran bulanan, tempoh pembiayaan, jumlah keseluruhan bayaran serta terma dan syarat sebelum bersetuju. Simpan salinan perjanjian sebagai rekod.

Tip Pengguna: Mudah untuk tandatangan secara digital tidak bermakna anda perlu membuat keputusan dengan cepat. Baca, fahami dan semak sebelum menandatangani dokumen.



5. Pelaksanaan secara Berperingkat

Akta Sewa Beli (Pindaan) 2026 berkuat kuasa pada 1 Jun 2026, dengan tempoh peralihan sehingga 31 Mac 2027 bagi pelaksanaan kaedah pengurangan baki dan EIR. Dalam tempoh ini, sesetengah penyedia sewa beli mungkin melaksanakan kaedah baharu lebih awal.

Tip Pengguna: Sebelum menerima pembiayaan, tanya penyedia: "Adakah pembiayaan ini sudah menggunakan kaedah pengurangan baki dan EIR?"



Penyelesaian Awal: Pembiayaan Kaedah Baharu dan Pembiayaan Kaedah Lama

- **Pembiayaan di bawah kaedah baharu – kaedah pengurangan baki**
  Mengikut kaedah pengurangan baki, faedah dikira berdasarkan baki prinsipal yang masih belum dibayar. Apabila ansuran dibayar, baki prinsipal akan berkurang dan faedah seterusnya dikira berdasarkan baki tersebut.

  Oleh itu, jika pengguna menyelesaikan pembiayaan lebih awal, mereka tidak perlu membayar faedah bagi baki tempoh pembiayaan selepas tarikh penyelesaian tersebut.

  BNM menjelaskan bahawa di bawah kaedah baharu ini, faedah dikira berdasarkan baki prinsipal tertunggak dan isu pemberian rebat seperti di bawah kaedah lama tidak lagi timbul dengan cara yang sama.

- **Pembiayaan di bawah kaedah lama – kadar sama rata / Peraturan 78**
  Bagi pengguna yang mempunyai perjanjian sewa beli berkadar tetap yang masih menggunakan kadar sama rata (flat rate) dan Peraturan 78, kaedah pengiraannya berbeza. Peraturan 78 memperuntukkan bahagian faedah yang lebih besar pada peringkat awal tempoh pembiayaan. Panduan BNM menerangkan bahawa keadaan ini boleh menyebabkan kos penyelesaian awal menjadi lebih tinggi berbanding dengan kaedah pengurangan baki.

  Sebagai langkah peralihan, industri perbankan telah memperkenalkan Diskaun Ihsan (Goodwill Discount) kepada pelanggan yang layak apabila mereka memilih untuk membuat penyelesaian awal bagi pembiayaan sewa beli berkadar sama rata yang menggunakan Peraturan 78. Inisiatif ini bertujuan untuk menjadikan baki penyelesaian lebih setara dengan pendekatan kaedah pengurangan baki.

  Diskaun Ihsan bukan kadar diskaun yang sama untuk semua pengguna. Jumlahnya bergantung pada ciri perjanjian sedia ada, termasuk tempoh pembiayaan dan masa penyelesaian awal, dan jumlah sebenar akan dimaklumkan oleh bank apabila pengguna memohon penyelesaian awal. Antara syarat kelayakan yang diumumkan oleh industri ialah akaun tidak mempunyai tunggakan melebihi 90 hari, tidak berada di bawah tindakan undang-undang atau perintah pemilikan semula, dan tidak berada di bawah penstrukturan/penjadualan semula atau program pengurusan hutang formal pada masa permohonan.

ANDA INGIN MENYELESAIKAN PEMBIAYAAN LEBIH AWAL?

- **Kaedah baharu – Pengurangan Baki**
  Faedah dikira berdasarkan baki prinsipal yang masih belum dibayar. Minta penyata penyelesaian untuk mengetahui jumlah sebenar yang perlu dijelaskan.

- **Kaedah lama – Peraturan 78**
  Jika anda membuat penyelesaian awal, semak sama ada anda layak menerima Diskaun Ihsan daripada bank.

Ingat: Jangan anggap jumlah baki ansuran bulanan yang belum dibayar sebagai jumlah penyelesaian awal. Minta penyata penyelesaian rasmi terlebih dahulu.

Sebelum Tandatangan, Buat 7 Semakan Ini

Pembiayaan sewa beli tidak sepatutnya dipilih hanya berdasarkan promosi, kadar yang kelihatan rendah atau kemampuan untuk membayar ansuran pada bulan pertama. Panduan pengguna turut menggariskan beberapa langkah yang boleh diambil sebelum dan selepas mendapatkan pembiayaan.

- **Semak beberapa tawaran**
  Jangan bergantung pada satu penyedia sahaja. Semak pilihan kadar tetap dan kadar boleh ubah.

- **Bandingkan EIR**
  Gunakan EIR sebagai salah satu ukuran untuk membandingkan kos pembiayaan secara lebih setara.

- **Semak kemampuan kewangan**
  Pastikan anda mempunyai pendapatan yang mencukupi, bukan sahaja untuk ansuran, tetapi juga kos lain, seperti insurans/takaful, cukai jalan dan penyelenggaraan kenderaan.

- **Baca perjanjian**
  Jangan menandatangani dokumen yang tidak difahami. Semak kadar, tempoh, jumlah bayaran dan tanggungjawab anda.

- **Simpan salinan dokumen**
  Pastikan anda menerima dan menyimpan salinan perjanjian yang telah ditandatangani, sama ada dalam bentuk digital, atau bercetak.

- **Mampu bayar ansuran tepat pada masanya**
  Kelewatan pembayaran boleh membawa implikasi kewangan dan menjejaskan kemampuan anda untuk memenuhi komitmen pembiayaan.

- **Ketahui saluran aduan**
  Sekiranya timbul masalah, hubungi penyedia sewa beli terlebih dahulu. Panduan BNM turut menyatakan saluran lanjut melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bagi penyedia sewa beli bukan kategori bank, manakala bagi institusi perbankan, pengguna boleh merujuk saluran penyelesaian berkaitan termasuk *Financial Markets Ombudsman Service* (FMOS).

6 SOALAN WAJIB SEBELUM DOKUMEN DITANDATANGANI

1. Berapakah EIR yang ditawarkan?
2. Berapakah jumlah keseluruhan faedah yang akan saya bayar?
3. Berapakah jumlah keseluruhan bayaran sehingga tamat pembiayaan?
4. Adakah kadar ini tetap atau boleh ubah?
5. Adakah pembiayaan ini menggunakan kaedah pengurangan baki?
6. Berapa lamakah saya terikat dengan pembiayaan ini?

Prinsipnya mudah: kemampuan untuk membayar ansuran bulanan tidak semestinya bermaksud sesuatu pembiayaan itu murah atau sesuai.

Pembiayaan sewa beli biasanya melibatkan komitmen kewangan untuk tempoh beberapa tahun. Oleh itu, luangkan masa untuk memahami perjanjian, bertanya dan membandingkan tawaran EIR sebelum membuat keputusan. Pilihan yang dibuat dengan teliti pada hari ini dapat membantu untuk mengelakkan beban kewangan pada masa hadapan.

Artikel ini disediakan oleh pihak editorial Majalah RINGGIT berdasarkan maklumat rasmi yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.



JANGAN TERUS KLIK!

Pautan palsu boleh menjadi antara punca wang anda hilang.

Perkembangan dunia digital yang semakin pesat dan tanpa sempadan telah banyak mengubah cara kita menjalani kehidupan seharian. Pelbagai urusan yang dahulunya memerlukan kita hadir secara fizikal, kini boleh dilakukan dengan mudah dan pantas di hujung jari, termasuk komunikasi, membeli-belah, membuat pembayaran serta mengakses perkhidmatan perbankan dalam talian.

Perkembangan ini turut disokong oleh penggunaan peranti pintar, seperti telefon pintar, *tablet* dan komputer riba yang membolehkan kita terus berhubung dengan dunia digital dan melakukan pelbagai urusan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja selagi mempunyai capaian Internet yang stabil.

Namun, kemudahan tersebut telah melahirkan “penipu dunia digital” (scammer) untuk mencuri wang pengguna melalui dunia digital. “Penipu dunia digital” berupaya untuk menyebarkan mesej serta pautan palsu kepada pengguna dengan cepat dan dalam skala yang besar, hanya dengan melalui platform SMS, WhatsApp, Telegram, media sosial dan pelbagai saluran digital yang lain.

Mesej tersebut mungkin kelihatan seperti mesej rasmi daripada pihak berkuasa, bank, insurans, takaful, syarikat kurier, penyedia perkhidmatan atau syarikat yang dikenali. Malangnya, mesej seperti inilah yang sering digunakan sebagai umpan untuk memperdaya pengguna.

Sesetengah pengguna mungkin sukar untuk mengenal pasti unsur penipuan pada pandangan pertama kerana mesej tersebut sengaja direka supaya menyerupai notis rasmi, termasuk penggunaan nama dan logo pihak berkuasa atau syarikat, gaya bahasa serta format mesej yang meyakinkan. Keadaan ini menyebabkan sesetengah pengguna mempercayai mesej tersebut dan bertindak mengikut arahan yang diberikan tanpa menyedari bahawa mereka sebenarnya sedang masuk dalam perangkap penipu.

Apakah yang berlaku apabila kita klik?

Untuk memerangkap pengguna, penipu akan mencari jalan untuk mendapatkan kepercayaan pengguna supaya pengguna dapat memberikan maklumat peribadi atau perbankan, atau akses kepada peranti dan akaun mangsa. Salah satu caranya adalah dengan mencipta “pintu masuk” melalui pautan palsu yang dihantar menerusi SMS, e-mel, WhatsApp, Telegram, media sosial dan pelbagai saluran digital yang lain.

Selain pautan palsu, pengguna juga diperdaya untuk memuat turun aplikasi atau fail daripada sumber yang tidak dikenali. Helah seperti inilah yang boleh menjadi “pintu masuk” dan membawa pengguna selangkah demi selangkah dalam perangkap penipu.

Sebagai contoh, pautan palsu mungkin membawa pengguna ke laman web yang direka menyerupai laman web rasmi bank, syarikat atau organisasi tertentu. Pengguna kemudiannya mungkin diminta untuk memasukkan maklumat sensitif seperti:

- nama dan nombor kad pengenalan;
- ID pengguna dan kata laluan;
- nombor kad debit atau kredit;
- maklumat akaun bank;
- PIN, TAC atau OTP; atau
- maklumat peribadi lain.

Dalam situasi lain, pengguna diarahkan untuk memuat turun aplikasi atau fail daripada sumber yang tidak dikenali. Aplikasi atau fail berbahaya direka untuk mendapatkan akses kepada peranti pintar, mencuri maklumat sensitif atau memantau aktiviti tertentu pada telefon pintar mangsa. Risiko menjadi lebih besar apabila pengguna memberikan kebenaran akses yang diminta oleh aplikasi tersebut tanpa memahami tujuan sebenar akses berkenaan.

Apabila maklumat sensitif diberikan kepada pihak yang salah, ia boleh digunakan untuk cubaan mengambil alih akaun, melakukan transaksi tanpa kebenaran atau meneruskan penipuan terhadap mangsa.

Oleh itu, jangan hanya bertanya:

“Adakah pautan ini nampak betul? Adakah aplikasi ini daripada sumber yang sah?”

Sebaliknya, sila bertanya:

“Mengapakah saya diminta untuk menekan pautan ini? Mengapakah saya diminta untuk memuat turun aplikasi ini?”

Penipu mahu kita bertindak sebelum berfikir.

Pautan palsu menjadi lebih berkesan apabila disertai dengan mesej yang membangkitkan emosi.

Penipu akan mewujudkan rasa takut dalam diri anda:
“Akaun anda akan disekat.”

Mereka akan buatkan anda rasa terdesak:
“Sila sahkan dalam tempoh 30 saat.”

Atau mereka akan menggunakan ganjaran:
“Anda layak menerima bayaran balik RM500.”

Apabila mangsa takut akan kehilangan wang, bimbang akan akaun bank disekat atau teruja akan menerima ganjaran, mereka mungkin bertindak dengan tergesa-gesa tanpa membuat semakan.

Oleh itu, apabila sesuatu mesej membuatkan anda rasa perlu bertindak **“sekarang juga”, berhenti sebentar dan lakukan semakan dengan pihak berkuasa.**

“Tetapi mesej itu nampak macam daripada syarikat yang betul.”
Itulah cabarannya kerana pengguna sukar untuk membezakan mesej rasmi dengan mesej palsu.

Jika anda menerima mesej yang mendakwa dirinya daripada bank, pihak berkuasa atau syarikat tertentu, jangan gunakan pautan atau nombor telefon yang diberikan dalam mesej tersebut untuk membuat pengesahan.

Sebaliknya:
Muat turun aplikasi hanya melalui gedung aplikasi rasmi seperti Google Play atau App Store,

atau

anda taip sendiri alamat laman web rasmi syarikat berkenaan,

atau

hubungi nombor rasmi syarikat berkenaan yang diperoleh daripada sumber yang dipercayai.

Dengan cara ini, pengguna boleh membuat semakan melalui saluran rasmi dan bukannya bergantung pada pautan atau maklumat hubungan yang diberikan dalam mesej yang belum dipastikan kesahihannya.

5 soalan sebelum klik

Sebelum menekan pautan yang diterima melalui mesej, tanya diri sendiri:

I. **Adakah saya memang menjangkakan mesej ini?**
Jika anda tidak membuat pembelian, mengapakah tiba-tiba ada masalah penghantaran?

II. **Adakah mesej meminta saya bertindak dengan segera?**
Tekanan masa digunakan supaya pengguna tidak sempat untuk membuat semakan atau berfikir.

III. **Adakah saya diminta untuk memberikan maklumat peribadi atau perbankan?**
Berhati-hati apabila mesej meminta maklumat sensitif.

IV. **Adakah saya diminta untuk menekan pautan untuk menyelesaikan masalah akaun?**
Jangan terus klik. Taip sendiri alamat laman web rasmi syarikat berkenaan.

V. **Bolehkah saya mengesahkannya melalui saluran lain?**
Ya, semak dahulu di saluran rasmi syarikat berkenaan sebelum melakukan apa-apa tindakan.

BERHENTI → SEMAK → BARU BERTINDAK

Mengapakah SKMM menyekat pautan dalam SMS?

Langkah perlindungan telah diperkenalkan bagi mengurangkan penyalahgunaan SMS.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengarahkan penyedia perkhidmatan telekomunikasi menyekat SMS yang mengandungi kandungan tertentu yang sering dikaitkan dengan *modus operandi* penipuan, termasuk pautan, permintaan maklumat peribadi dan nombor telefon untuk dihubungi.

Mulai 1 September 2024, SKMM memaklumkan bahawa arahan larangan terhadap kandungan tersebut dalam SMS dikuatkuasakan dan menggesa pengguna supaya menganggap SMS yang masih mengandungi elemen berkenaan sebagai berisiko tinggi.

Namun, kewujudan perlindungan teknologi tidak bermakna bahawa pengguna boleh mengabaikan langkah berjaga-jaga. Walaupun SKMM telah mengambil langkah untuk menyekat pautan dalam SMS, pengguna masih perlu sentiasa berwaspada kerana *modus operandi* penipuan sentiasa berubah dan boleh beralih ke platform komunikasi digital yang lain. Oleh itu, SKMM turut mengingatkan pengguna supaya berhati-hati terhadap mesej mencurigakan yang diterima melalui platform seperti e-mel, WhatsApp, Telegram dan saluran platform digital yang lain.

Saya telah klik pautan palsu. Apakah yang perlu saya buat?

Pertama, jangan panik.

Jika anda hanya tertekan pautan, tetapi belum memberikan apa-apa maklumat atau melakukan transaksi, jangan teruskan. Tutup laman tersebut dan jangan muat turun apa-apa aplikasi atau fail yang diarahkan.

Sekiranya anda telah memberikan maklumat perbankan, melakukan pemindahan wang atau mendapati terdapat transaksi yang tidak dibenarkan, sila **bertindak segera**.

Kedua, **hubungi bank** anda melalui *hotline* rasmi bank. Jika anda tidak dapat menghubungi bank, hubungi Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) melalui talian 997. Anda juga perlu membuat laporan polis.

Tindakan pantas sangat penting. Pihak berkuasa menasihati mangsa supaya membuat laporan dengan segera kerana tindakan awal boleh membantu usaha untuk menyekat transaksi dan mengurangkan kerugian selanjutnya.

NOTA PENTING:
Sekiranya anda menerima SMS yang mengandungi pautan, permintaan maklumat peribadi atau nombor untuk dihubungi, aduan boleh dikemukakan kepada SKMM. Sertakan maklumat yang berkaitan, seperti nombor atau kod penghantar serta tangkap layar mesej yang diterima bagi membantu proses semakan dan tindakan lanjut.

Jadikan “jangan terus klik” sebagai satu tabiat

Teknologi yang kita gunakan pada setiap hari memberikan banyak kemudahan. Namun, keselamatan digital juga bergantung pada tindakan pengguna.


Tidak semua mesej perlu dijawab.

Tidak semua arahan perlu dipatuhi.

dan yang paling penting:
Tidak semua pautan perlu diklik/ditekan.

Jika terdapat mesej yang meminta anda melakukan sesuatu yang melibatkan wang, akaun atau maklumat peribadi, sila ambil sedikit masa untuk membuat semakan melalui saluran rasmi.

Satu klik mungkin hanya mengambil masa sesaat, tetapi boleh menjadi langkah pertama yang membawa anda dalam perangkap penipu. Namun, satu semakan sebelum klik boleh melindungi wang dan maklumat peribadi anda.



Artikel ini disediakan oleh pihak editorial Majalah RINGGIT berdasarkan maklumat rasmi yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Bank Negara Malaysia (BNM), Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) dan sumber rasmi daripada Kerajaan Malaysia.



Percubaan Percuma atau Perangkap Langganan?

Kenali Pembaharuan Langganan secara Automatik Sebelum Terlambat

“Tempoh percubaan percuma selama 30 hari.”

“Daftar sekarang, tiada bayaran dikenakan.”
“Batalkan pada bila-bila masa.”

Tawaran seperti ini bukan lagi sesuatu yang asing apabila kita mendaftar untuk perkhidmatan digital, seperti penstriman filem dan muzik, aplikasi kecergasan, perkhidmatan storan awan (cloud storage), permainan dalam talian, platform pembelajaran dalam talian atau pelbagai perkhidmatan digital yang lain.

Pada awalnya, tawaran percubaan percuma (free trial) mungkin kelihatan menarik. Pengguna berpeluang untuk mencuba sesuatu perkhidmatan tanpa apa-apa bayaran pada peringkat awal. Namun, sebelum mendapat akses kepada perkhidmatan tersebut, pengguna mungkin diminta untuk memasukkan maklumat kad debit, kad kredit atau kaedah pembayaran yang lain.

Masalah mungkin timbul beberapa minggu kemudian apabila pengguna mendapati bahawa terdapat bayaran yang tidak dijangka dalam penyata bank mereka. Hal ini berlaku kerana tempoh percubaan percuma telah tamat dan langganan tersebut telah bertukar secara automatik kepada langganan berbayar.

Dalam sesetengah keadaan, pengguna mungkin terlupa bahawa mereka pernah mendaftar untuk sesuatu perkhidmatan digital. Ada juga pengguna yang cuba membatalkan langganan, tetapi mendapati bahawa proses pembatalannya jauh lebih rumit berbanding dengan proses pendaftaran.

Namun, persoalannya, bilakah percubaan percuma boleh bertukar menjadi perangkap langganan?

Berhati-hati Sebelum Bersetuju dengan Pembaharuan Langganan secara Automatik

Pembaharuan langganan secara automatik (automatic renewal) semakin banyak digunakan dalam pelbagai perkhidmatan digital. Melalui kaedah ini, sesuatu langganan akan dibaharui secara automatik dan bayaran akan dikenakan secara berkala sehingga pengguna membatalkan langganan tersebut.

Namun, pengguna perlu memberikan perhatian terhadap kaedah langganan ini, khususnya apabila maklumat penting seperti harga langganan, kekerapan bayaran, tarikh bayaran pertama, tempoh minimum langganan serta kaedah pembatalan tidak dinyatakan dengan jelas.

Maklumat penting tersebut tidak sepatutnya disembunyikan dalam terma dan syarat yang panjang, dipaparkan dalam tulisan yang terlalu kecil atau diletakkan pada bahagian yang sukar dilihat oleh pengguna.

Percubaan percuma tidak sepatutnya bertukar menjadi langganan berbayar secara automatik tanpa pengetahuan dan persetujuan yang jelas daripada pengguna.

Oleh sebab itu, penyedia perkhidmatan sepatutnya memberikan maklumat yang jelas dan tepat tentang terma dan syarat langganan serta kaedah pembatalannya. Pengguna tidak sepatutnya terus dibebani dengan bayaran langganan bagi perkhidmatan yang tidak lagi ingin digunakan, khususnya apabila langganan tersebut dibaharui secara automatik tanpa pengetahuan atau persetujuan yang jelas daripada pengguna.

Bilakah Percubaan Percuma Menjadi Perangkap?



Pengguna perlu lebih berhati-hati apabila sesuatu tawaran menonjolkan perkataan "PERCUMA", tetapi maklumat tentang bayaran yang akan dikenakan selepas tempoh percubaan sukar ditemukan.

Antara tanda amaran yang perlu diberikan perhatian ialah pembaharuan langganan yang ditetapkan secara automatik atau keperluan untuk memberikan persetujuan sebagai syarat bagi meneruskan penggunaan perkhidmatan, sekali gus menyebabkan pengguna seolah-olah tidak mempunyai pilihan lain.

Proses pembatalan juga boleh menjadi salah satu petunjuk. Bayangkan, pengguna hanya mengambil masa dua minit untuk mendaftar, tetapi apabila ingin membatalkan langganan, mereka perlu melalui beberapa halaman, menjawab pelbagai soalan, menghubungi nombor tertentu dalam tempoh waktu yang ditetapkan atau menghantar e-mel yang tidak mendapat balasan.

Sesetengah platform juga mungkin menggunakan reka bentuk tertentu yang boleh mempengaruhi keputusan pengguna. Contohnya, butang untuk meneruskan langganan dipaparkan dengan jelas dan menarik, manakala pilihan untuk membatalkan langganan dipaparkan dalam tulisan yang kecil atau diletakkan pada bahagian yang sukar dicari. Amalan reka bentuk seperti ini kadangkala dikenali sebagai *dark patterns*, iaitu reka bentuk antara muka yang boleh mempengaruhi atau mendorong pengguna untuk membuat keputusan tertentu melalui cara pilihan dan maklumat dipaparkan.


Apakah Kata Undang-Undang Perlindungan Pengguna?

Di Malaysia, Akta Perlindungan Pengguna 1999 merupakan antara undang-undang utama yang memberikan perlindungan kepada pengguna dalam urus niaga barangan dan perkhidmatan.

Antara perkara yang diberikan perhatian termasuk amalan yang mengelirukan atau memperdaya, representasi palsu atau mengelirukan serta terma kontrak yang tidak adil. Perlindungan ini boleh terpakai sekiranya sesuatu perkhidmatan diiklankan sebagai percuma, tetapi maklumat penting tentang bayaran selepas tempoh percubaan disembunyikan atau dinyatakan dengan cara yang boleh mengelirukan pengguna.

Selain itu, Peraturan-Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2024 turut memperkukuh keperluan untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan urus niaga dalam talian. Pengguna seharusnya diberi maklumat penting tentang pembekal, ciri utama barangan atau perkhidmatan, harga penuh, kaedah dan terma pembayaran serta syarat yang berkaitan.

Namun, kewujudan bayaran pembaharuan langganan yang tidak diingini tidak semestinya melayakkan pengguna untuk menerima bayaran balik. Setiap kes perlu dinilai berdasarkan fakta dan hal, termasuk sama ada penyedia perkhidmatan telah memberikan maklumat yang jelas tentang bayaran dan pembaharuan langganan semasa pendaftaran, memperoleh persetujuan pengguna tentang pembaharuan langganan dan bayaran berulang serta menyediakan dan melaksanakan proses pembatalan dengan sewajarnya.



Sebelum Tekan "Daftar", Semak Dahulu

Jangan hanya melihat perkataan "percuma". Semak perkara yang akan berlaku selepas tempoh percubaan tamat. Pengguna perlu menyemak jumlah bayaran langganan, mata wang yang digunakan, kekerapan pembayaran serta tarikh bayaran pertama akan dikenakan. Sebagai contoh, "tempoh percubaan percuma selama sebulan" tidak semestinya bermaksud 30 hari. Tarikh bayaran pertama mungkin ditetapkan berdasarkan tarikh tertentu dalam sistem penyedia perkhidmatan.

Semak juga kaedah untuk membatalkan langganan sebelum memasukkan maklumat pembayaran. Yang lebih penting, jangan menganggap bahawa tindakan memadamkan aplikasi daripada telefon bermaksud langganan tersebut telah dibatalkan. Sesetengah langganan perlu dibatalkan melalui tetapan akaun, gedung aplikasi atau secara terus melalui penyedia perkhidmatan.

Pengguna juga digalakkan untuk menyimpan salinan tawaran, e-mel pengesahan, terma pembayaran dan maklumat berkaitan. Jika maklumat penting hanya dipaparkan semasa proses pendaftaran, ambil tangkap layar (screenshot) sebagai bukti.

Satu lagi langkah yang boleh diambil adalah dengan menetapkan peringatan pada telefon beberapa hari sebelum tempoh percubaan tamat. Langkah ini memberikan masa kepada pengguna untuk mempertimbangkan sama ada mahu meneruskan atau membatalkan langganan sebelum sebarang bayaran dikenakan. Dengan cara ini, pengguna dapat mengelakkan bayaran langganan yang tidak dijangka.

Dikenakan Bayaran Tanpa Dijangka? Bertindak Segera

Sekiranya ingin mendapatkan bayaran balik, kemukakan permohonan secara bertulis dengan menyatakan tarikh langganan bermula, alasan pertikaian bayaran tersebut, tarikh pembatalan dibuat serta bentuk penyelesaian yang diminta.

Jika masalah tidak dapat diselesaikan dengan penyedia perkhidmatan, pengguna boleh mendapatkan bantuan daripada Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (National Consumer Complaints Centre [NCCC]) atau mengemukakan aduan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Selain itu, pengguna juga boleh mempertimbangkan untuk mengemukakan tuntutan melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), tertakluk pada jenis tuntutan dan bidang kuasa Tribunal.

Jika terdapat bayaran langganan yang tidak dijangka dalam penyata bank, pengguna perlu bertindak segera.

1. Kenal pasti langganan dan penyedia perkhidmatan yang mengenakan bayaran tersebut. Semak penyata bank, e-mel, sejarah pembelian di gedung aplikasi serta senarai langganan aktif pada telefon atau peranti.
2. Batalkan langganan melalui saluran yang betul dan simpan bukti pembatalan.
3. Kumpulkan semua bukti yang berkaitan, seperti iklan asal, halaman pendaftaran, terma pembayaran, penyata bank, permohonan pembatalan, e-mel serta komunikasi dengan penyedia perkhidmatan.

Penyedia Perkhidmatan Juga Perlu Bertanggungjawab

Penyedia perkhidmatan tidak seharusnya mereka bentuk antara muka yang boleh menyebabkan pengguna terlepas pandang atau menghadapi kesukaran untuk membatalkan langganan.

Harga langganan dan kekerapan bayaran perlu dipaparkan dengan jelas sebelum proses pendaftaran selesai. Persetujuan yang jelas daripada pengguna bagi

pembaharuan langganan secara automatik juga perlu diperoleh supaya pengguna tahu dan bersetuju bahawa bayaran akan dikenakan selepas tamat tempoh percubaan.

Sekiranya tempoh percubaan percuma ditawarkan, pengguna perlu dimaklumkan dengan jelas tentang tarikh percubaan tersebut berakhir serta tarikh bayaran pertama akan dikenakan.

Proses pembatalan pula sepatutnya mudah. Jika pengguna boleh mendaftar secara dalam talian dengan hanya beberapa langkah, proses pembatalan juga tidak seharusnya sengaja dibuat lebih rumit.

Selepas pembatalan berjaya untuk dilakukan, pengguna juga sepatutnya menerima pengesahan yang jelas tentang tarikh pembatalan berkuat kuasa dan sama ada masih terdapat apa-apa bayaran yang akan dikenakan.

Jangan Biarkan Perkataan "Percuma" Membuatkan Kita Lupa untuk Bertanya

Langganan secara automatik boleh memberikan kemudahan apabila pengguna memilihnya secara sedar dan menerima maklumat yang jelas. Namun, langganan tersebut boleh menjadi masalah apabila maklumat tentang bayaran tidak dinyatakan dengan jelas, persetujuan pengguna tidak diperoleh dengan jelas atau proses pembatalan sengaja dibuat lebih sukar.

Pada akhirnya, langganan perkhidmatan digital yang baik sepatutnya dapat mengekalkan pengguna kerana mereka memilih untuk terus menggunakan perkhidmatan tersebut, bukan kerana mereka tidak tahu cara untuk membatalkannya.

Sebelum memberikan maklumat kad atau kaedah pembayaran, tanyakan empat perkara mudah:

- Bilakah tempoh percubaan tamat?
- Berapakah bayaran selepas itu?
- Berapa kerapkah saya akan dikenakan bayaran?
- Bagaimanakah saya boleh membatalkan langganan?



Sumber: Nuraiesya Khanoon binti Thariq Khan, Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (National Consumer Complaints Centre [NCCC])

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

DAPATKAN MAKLUMAT DAN PANDUAN KEWANGAN TERKINI MELALUI DIGITAL



Mahukan tip dan maklumat kewangan? Dapatkan RINGGIT terbitan FOMCA serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk rujukan anda.

- MEMUPUK BUDAYA PENGURUSAN KEWANGAN BERHEMAT
- MENYEDIAKAN MAKLUMAT KEWANGAN YANG SAHIH
- MENDIDIK PENGGUNA BERKENAAN DENGAN ISU KEWANGAN
- MENGGALAKKAN PENGGUNA MEMBUAT ADUAN MELALUI SALURAN YANG BETUL

SILA IMBAS KOD QR INI

AKPK

FOMCA

FEN FINANCIAL EDUCATION NETWORK